



TEKS UCAPAN

YS PKPjB WAN MD RAZALI BIN WAN ISMAIL

**PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

SEMPENA:

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI SELANGOR
BULAN OGOS 2025**

ANJURAN:

**BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN
BAHAGIAN PENGURUSAN**

TARIKH: 29 OGOS 2025 (JUMAAT)

MASA: 8.00 PAGI

TEMPAT: DEWAN BAKAWALI

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin

Wassalatu Wassalamu 'Ala-Asyrafil Anbiya'e Wal Mursalin

Saidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra dan Salam Malaysia MADANI

Terima kasih saudara pengacara majlis,

Encik IKHMAL HIJAZ BIN IDIRS dan

PENOLONG PENGUASA BOMBA SITI ASMAH BINTI JAMION

Terima kasih juga kepada pembaca doa,

PEGAWAI BOMBA AHMAD ZARIQ BIN ABD RAHMAN di atas
pimpinan doa itu tadi.

[SALUTASI TERTAKLUK KEPADA PENGESAHAN KEHADIRAN]

PgKB I RAZALI BIN MOHD NASIR

Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran

Dan

Puan Shantini a/p Kandiah

Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan

Selaku hos bagi Majlis Perhimpunan Bulanan pada kali ini

YANG BERUSAHA

ENCIK NORAZARUDDIN BINT NGATMUN

ACTING SENIOR GENERAL MANAGER PERODUA

Penolong-penolong Pengarah Bahagian,

Ketua-ketua Zon

Ketua-ketua Balai

Pegawai-pegawai Kanan Jabatan,

Pasukan Bomba Komuniti

Rakan Kolaborasi Strategik Jabatan,

Tuan-tuan Puan-puan

Hadirin yang dihormati.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, melafaz rasa puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah berkat dan keizinan daripada-Nya, dapat kita bersua dan berkumpul sekali lagi, dalam keharmonian pagi ini, di dalam **Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor Bagi Bulan Ogos 2025**.
2. Bersempena dengan Bulan Kemerdekaan ini, marilah bersama-sama menghayati erti kemerdekaan yang sebenar. Dengan penuh semangat patriotik, tema “**Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni**” telah dipilih sebagai tema rasmi Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025.
3. Tema ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam menjadikan kebajikan rakyat sebagai keutamaan berlandaskan kesejahteraan, keadilan dan perpaduan.

JBPM NEGERI SELANGOR UNGGUL DI WPFG USA, SUKBOM DAN NFD 2025

Hadirin yang dimuliakan,

4. Baru-baru ini Jabatan telah melakar kejayaan di peringkat antarabangsa dalam Kejohanan *World Police and Fire Games Birmingham 2025* (WPFG 2025) Alabama, Amerika Syarikat dengan meraih 46 pingat secara keseluruhan dengan 19 emas, 17 perak, dan 10 gangsa. Sesungguhnya kejayaan ini telah

mengangkat martabat Jabatan dan negara di persada antarabangsa.

5. Dan lebih membanggakan, dalam kejayaan ini, atlit-atlit dari Bomba Selangor antara yang menyumbang pingat kepada Jabatan. Tahniah dan Syabas saya ucapkan.
6. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada **Kontijen SUKBOM JBPM Negeri Selangor atau lebih dikenali sebagai SELFIRE** yang telah dinobatkan sebagai **juara keseluruhan Sukan Bomba Malaysia (SUKBOM) 2025**
7. **Selain itu, Bomba Selangor** juga telah menunjukkan kecemerlangan di dalam **National Firefighter Drill (NFD) 2025**.
8. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen penuh dalam menjayakan kesemua acara berprestij tersebut.
9. Semoga lebih banyak kejayaan yang mendatang akan kita perolehi terutama dalam **Pertandingan Inovasi** serta **Kadet Bomba**.

INTEGRITI TERPELIHARA, MARUAH JABATAN TERJAGA

Hadirin yang dihormati,

10. Izinkan saya memetik ucapan Yang Amat Setia Ketua Pengarah sewaktu Perhimpunan Bulanan Peringkat Ibu Pejabat pada awal bulan yang lalu.

11. Setiap pegawai sentiasa hendaklah sentiasa menjaga tingkah laku dan elakkan sebarang tindakan yang boleh mencipta persepsi negatif dalam kalangan masyarakat sesuai dengan **Pelaksanaan Anti-Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001: 2016** yang diamalkan oleh jabatan dan sentiasa komited terhadap penambahbaikan keperluan-keperluan di bawah Polisi Integriti dan Anti Rasuah serta Akta SPRM 2009.
12. Berhati-hatilah dalam berkongsi gaya hidup di media sosial, kerana ini berpotensi membangkitkan syak wasangka dan merosakkan imej terpuji JBPM secara keseluruhannya.
13. Untuk makluman semua hadirin, menurut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dari **Januari** hingga **Jun** 2025, sebanyak **227 kes melibatkan penjawat awam** dari pelbagai peringkat pengurusan dan sokongan telah di buka kertas siasatan.
14. Ianya adalah satu angka yang tinggi dengan **peratusan sebanyak 31.9%** berbanding keseluruhan. Manakala dalam konteks Bomba pula, **48 kes aduan integriti** telah diterima.
15. Saya berharap setiap tindakan dan keputusan yang dibuat adalah berlandaskan etika tertinggi dan bebas daripada sebarang bentuk amalan rasuah, demi meningkatkan keyakinan awam terhadap profesionalisme Jabatan.

AUDIT KUALITI DALAMAN MS ISO 9001:

Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati,

16. Adalah dimaklumkan bahawa Audit Kualiti dan Audit ABMS bagi Negeri Selangor akan dijalankan pada 8 hingga 12 September 2025.
17. Justeru, saya memohon semua Bahagian, Zon dan Balai yang terlibat untuk membuat persiapan yang sewajarnya. Sila pastikan setiap dokumentasi adalah lengkap dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
18. Diharapkan agar semua pegawai dan kakitangan mengambil serius berkaitan perkara ini dan semoga proses audit ini berjalan lancar dan tidak ada sebarang NCR serta OFI yang diterima.

MENYEMAI KESEDARAN, MENYELAMAT NYAWA: INISIATIF JBPM SEMPENA WORLD DROWNING PREVENTION DAY

Tuan-tuan dan Puan-Puan

19. Hari Pencegahan Lemas Sedunia (World Drowning Prevention Day) disambut pada 25 Julai setiap tahun. Ia merupakan hari kesedaran kelelasan yang bertujuan untuk mengingatkan masyarakat tentang bahaya lemas dan cara mencegahnya, terutamanya semasa melakukan aktiviti di air.

20. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia selaku urusetia Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) telah menganjurkan Program Kesedaran Keselamatan Aktiviti Air bersempena *World Drowning Prevention Day* di d'Tempat Country Club, Sendayan Negeri Sembilan pada 31 Julai 2025.
21. Pada hari ini, kita akan menyerahkan 20 buah bot komuniti kepada 20 buah komuniti terpilih. Bot yang diserahkan ini diharapkan dapat memudahkan proses penyelamatan air komuniti setempat.

PENYERAHAN PERODUA ARUZZ

Hadirin,

22. Kita pada hari ini cukup bertuah kerana pihak PERODUA telah berbesar hati untuk menyampaikan sumbangan dua buah kenderaan PERODUA ARUZZ kepada Bomba Selangor.
23. Sesungguhnya, sumbangan ini amat besar maknanya terutama memudahkan perhubungan dan pergerakan dalam menjalankan tugas-tugas hakiki.
24. Terima kasih saya ucapkan sekali lagi kepada pihak PERODUA.

PENUTUP

Hadirin,

25. Akhir kata, sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga anggota dan pesara yang telah pergi dahulu meninggalkan kita.
26. Sekalung tahniah dan penghargaan turut saya rakamkan kepada jawatankuasa penganjur, khususnya warga Bahagian Keselamatan Kebakaran dan Bahagian Pengurusan, atas usaha dan kesungguhan dalam menjayakan majlis Perhimpunan Bulanan pada hari ini.
27. Sempena bulan kemerdekaan ini, marilah kita bersama-sama menzahirkan rasa cinta dan taat setia kepada negara dengan mengibarkan Jalur Gemilang dan terus komited dalam menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan. Selamat Hari Merdeka!
28. Saya akhiri ucapan saya ini dengan kalimah suci, **Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

[UCAPAN TAMAT]